



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR JAWATAN KOSONG

Lembaga Pelabuan Johor dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :

PEGAWAI UNDANG-UNDANG, GRED PP4

Lantikan	Kontrak						
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Profesional						
Gaji (SGMM)	Minimum: RM3,205.00						
Elaun	<table><tr><td>Keraian</td><td>: RM600.00</td></tr><tr><td>ITP</td><td>: RM500.00</td></tr><tr><td>Saraan (COLA)</td><td>: RM300.00</td></tr></table>	Keraian	: RM600.00	ITP	: RM500.00	Saraan (COLA)	: RM300.00
Keraian	: RM600.00						
ITP	: RM500.00						
Saraan (COLA)	: RM300.00						
Penempatan	Unit Undang-Undang						

1. SYARAT PERMOHONAN :

Calon hendaklah memenuhi kelayakan berikut :-

- Warganegara Malaysia; dan
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Bebas daripada sebarang rekod jenayah, penyalahgunaan dadah, tuduhan rasuah (SPRM), keberhutangan serius, status muflis dan tindakan tatatertib; dan
- Mahir dalam pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik; dan
- Perakuan pemeriksaan kesihatan melalui laporan perubatan dari klinik/hospital oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. SYARAT LANTIKAN / KELAYAKAN MINIMA :

- (a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Undang-Undang) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya:
- (b) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*). Ditauliah sebagai Peguambela dan Peguamcara. Mempunyai pengalaman minimum tiga (3) tahun sebagai Penguambela dan Peguamcara atau Pegawai Undang-Undang dalam bidang kontrak, litigasi atau pematuhan adalah salah satu kelebihan.
- (c) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- (a) Menyediakan, menyemak dan meminda dokumen kontrak seperti perjanjian perkhidmatan, perolehan, konsesi, NDA, dan lain-lain dokumen perundangan.
- (b) Memastikan klausa dalam kontrak melindungi kepentingan organisasi dan selaras dengan perundangan semasa.
- (c) Menyediakan template kontrak standard dan membantu LPJ dalam proses rundingan kontrak.
- (d) Memberi nasihat undang-undang terhadap isu-isu berkaitan pelaksanaan, lanjutan, penamatan dan pelanggaran kontrak.
- (e) Menyemak terma dan syarat Perjanjian melibatkan Perjanjian Penswastaan.
- (f) Cadangan Kajian Pindaan ke atas Perjanjian Penswastaan LPJ.
- (g) Memastikan LPJ mematuhi peruntukan undang-undang, peraturan, garis panduan kawal selia, lesen atau permit berkaitan industri.

- (h) Menyemak amalan dalaman dan dasar SOP/Pekeliling/Notis untuk memastikan selaras dengan kehendak undang-undang.
- (i) Mengurus dan memantau hal-hal berkaitan tuntutan, pembelaan, tindakan-tindakan sivil yang dilaksanakan oleh peguam panel LPJ.
- (j) Berurusan dengan peguam panel LPJ dan pemegang taruh berkaitan penyediaan dokumen kes, fakta kes, dan strategi litigasi.
- (k) Menyemak dokumen tuntutan litigasi seperti penyata pendakwaan, surat tuntutan, pernyataan tuntutan, afidavit dan dokumen mahkamah lain.
- (l) Memantau perkembangan kes secara berkala dan menyediakan laporan status kes kepada pengurusan.
- (m) Menilai risiko perundangan terhadap kes yang sedang berjalan atau berpotensi.
- (n) Menjalankan penyelidikan undang-undang berkaitan kontrak, litigasi dan pematuhan.
- (o) Mengurus sistem rekod dan pemfailan dokumen undang-undang secara sistematik dan selamat.
- (p) Menyediakan laporan undang-undang, memorandum nasihat dan dokumentasi rasmi untuk rujukan dalaman.

4. CARA MEMOHON :

- 4.1 Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<https://www.lpi.gov.my>).
- 4.2 Borang permohonan yang lengkap perlu di sertakan bersama-sama dokumen berikut:
 - (i) Resume dengan *Curriculum Vitae* (CV) yang mempunyai;
 - a) Maklumat peribadi,

- b) Kelayakan akademik/ kompetensi (sertakan bersama sijil berkaitan dan sijil SPM)
- c) Pengalaman kerja
- d) Jangkaan gaji
- e) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport; dan
- (ii) Salinan Sijil Kelahiran & Salinan Kad Pengenalan; dan
- (iii) Semua salinan sijil-sijil yang disertakan perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan & Profesional yang berkelayakan ; dan
- (iv) Laporan Pemeriksaan Kesihatan terkini.

4.3 Borang permohonan dan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses. Borang yang lengkap diisi dan dokumen berkaitan dengan permohonan hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditulis tujuan permohonan, dihantar tangan atau diposkan berdaftar** kepada :

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM
(U.P. : UNIT PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA)
TEL: 07-2534000**

**TUJUAN PERMOHONAN : PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI
UNDANG-UNDANG, GRED PP4**

MAKLUMAT TEMU DUGA :

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Calon yang di senarai pendek untuk menghadiri temu duga dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan MQA kelayakan melalui : <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh temu duga, adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : 22 September 2025 (Isnin), jam 5.00 petang.